

# [THE METHODOLOGY OF COMPARATIVE RELIGION STUDIES THROUGH TEXTUAL ANALYSIS: A COMPARISON BETWEEN IBN HAZM AND MAX MULLER]

## METODOLOGI KAJIAN PERBANDINGAN AGAMA SECARA TEKTUAL MENURUT IBN HAZM DAN MAX MULLER SATU PERBANDINGAN

*Nur Farhana Abdul Rahman  
nfarhana@ukm.edu.my  
Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah,  
Fakulti Pengajian Islam, UKM*

*Muhammad Akmal Azim Mohamad Rais  
P153594@ukm.edu.my  
Pelajar Sarjana, Program Pengajian Usuluddin dan Falsafah,  
Fakulti Pengajian Islam, UKM*

*Muhammad Isma Najmi Rosideen  
a180390@siswa.ukm.edu.my  
Pelajar Prasiswazah, Program Pengajian Usuluddin dan Falsafah,  
Fakulti Pengajian Islam, UKM*

### Abstrak

Kajian ini membandingkan metodologi perbandingan agama antara dua tokoh terkemuka, Ibn Hazm, seorang ulama Islam dari Andalusia abad ke-11, dan Max Muller, ahli falsafah serta orientalis Jerman dari abad ke-19. Latar belakang budaya dan agama yang berbeza mempengaruhi pendekatan kedua-dua tokoh ini dalam kajian agama. Ibn Hazm, yang berpegang kepada Mazhab Zahiri, menggunakan pendekatan literal dan apologetik, menekankan kajian kritikal terhadap teks-teks suci Yahudi dan Kristian untuk mempertahankan kebenaran Islam. Sebaliknya, Max Muller menggunakan pendekatan filologi dan linguistik, dengan fokus kepada analisis teks-teks suci agama Timur seperti Hindu dan Buddha, bertujuan untuk memahami evolusi agama secara saintifik dan objektif. Kajian ini juga meneliti proses pengumpulan dan analisis data kedua-dua tokoh. Ibn Hazm lebih cenderung untuk mencari percanggahan dalam teks-teks agama lain, manakala Muller menekankan kajian bahasa dan sejarah perkembangan agama. Meskipun metodologi mereka berbeza, terdapat persamaan dalam penggunaan teks agama sebagai sumber utama kajian. Artikel ini merumuskan bahawa matlamat akhir kajian Ibn Hazm adalah untuk memperkukuhkan kedudukan Islam dalam perdebatan agama, manakala Muller bertujuan untuk mewujudkan pemahaman universal terhadap agama melalui kajian rasional. Kedua-dua tokoh telah memberikan sumbangan penting kepada disiplin perbandingan agama, walaupun dengan pendekatan yang sangat berbeza.

**Kata Kunci:** Kajian Perbandingan Agama, Ibn Hazm, Max Muller, Kajian Tektual Agama

### Abstract

*This study compares the methodologies of comparative religion between two prominent figures, Ibn Hazm, an Islamic scholar from 11th century Andalusia, and Max Muller, a German philosopher and orientalist from the 19th century. The diverse cultural and religious backgrounds of these figures shaped their distinct approaches to religious studies. Ibn Hazm, a follower of the Zahiri school, employed a literal and apologetic approach, focusing on a critical examination of the sacred texts of Judaism and Christianity to defend the truth of Islam. In contrast, Max Muller utilized a philological and linguistic approach, analyzing the sacred texts of Eastern religions such as Hinduism and Buddhism, with the aim of understanding the evolution of religion from a scientific and objective perspective. This study also explores the data collection and analysis processes used by both scholars. Ibn Hazm was inclined to highlight contradictions in the texts of other religions, while Muller emphasized the study of language and the historical development of religious thought. Despite their methodological differences, both shared a reliance on religious texts as primary sources for their studies. The article concludes that Ibn*

*Hazm's ultimate goal was to strengthen the position of Islam in religious debates, whereas Muller aimed to establish a universal understanding of religion through rational inquiry. Both figures made significant contributions to the discipline of comparative religion, though with vastly different approaches.*

**Keywords:** *Comparative Religion Studies, Ibn Hazm, Max Muller, Religious Textual Analysis*

*Article Received:*  
11 October 2024

*Article Reviewed:*  
12 December 2024

*Article Published:*  
26 December 2024

## PENGENALAN

Kajian perbandingan agama adalah satu disiplin ilmu yang melibatkan analisis perbandingan antara kepercayaan dan amalan agama yang berbeza. Secara umum, kajian perbandingan agama meneliti persamaan dan perbezaan antara agama berbeza dari sudut teologi, ritual, etika, sosial dan sejarah. Baik dunia Barat dan dunia Islam, disiplin ilmu ini telah mendapat perhatian meluas disebabkan ia menyentuh soal kedudukan dan hubungan antara penganut agama berbeza.

Dalam sejarah Barat, perkembangan ilmu perbandingan agama telah wujud sejak sebelum kelahiran Nabi Isa. Tokoh sejarawan seperti Herodotus (481 SM) telah merangkumkan penjelasan dan perbandingan mengenai agama etnik-etnik Parsi dan Rom secara tidak langsung dalam bukunya 'History'. Kemasukan agama Kristian melahirkan penulis-penulis Barat beragama Kristian yang menulis mengenai agama-agama lain, meskipun kebanyakannya menulis secara apologetik. Perkembangan kajian perbandingan agama di Barat semakin pesat pada era penjajahan dan kolonisasi, apabila masyarakat Barat lebih terdedah kepada pelbagai bangsa dan kepercayaan di dunia. Dengan sokongan dana, kebangkitan rasionalisme, perkembangan institusi pendidikan serta semangat akademik, kajian perbandingan agama di Barat mencapai kegemilangan dengan kewujudan tokoh seperti Max Muller yang memperkenalkan pendekatan saintifik dalam perbandingan agama atau dikenali sebagai

Dunia Islam juga tidak asing dengan kajian perbandingan agama, malah elemen perbandingan agama dapat dilihat daripada ayat-ayat al-Quran itu sendiri. Sebagai contoh, al-Quran mengakui kewujudan agama Kristian dan Yahudi sebagai 'Ahli Kitab', di samping menyatakan kesamaan dan perbezaan antara agama-agama tersebut dengan agama Islam. Dari sudut penulisan, kajian perbandingan agama dari dunia Islam lebih terserlah pada zaman kegemilangan Islam iaitu semasa pemerintahan Dinasti Abbasiyah. Kemunculan tokoh-tokoh seperti al Kindi, al-Biruni dan Ibn Hazm telah menghasilkan kajian dan perbandingan terhadap falsafah Yunani, agama Hindu, Buddha, Jainisme, Kristian dan Yahudi serta menyumbang dari sudut penyusunan disiplin perbandingan agama dari perspektif Islam. Namun begitu, perkembangan kajian perbandingan agama oleh sarjana Muslim pada zaman moden sedikit terbantut akibat penjajahan terhadap negara-negara Islam pada abad ke-19.

Kajian perbandingan agama mempunyai beberapa pendekatan dalam pengkajian, antaranya ialah analisis perbandingan secara tekstual iaitu kajian terhadap teks-teks agama. Tokoh-tokoh yang terkenal dalam bidang ini termasuklah Ibn Hazm, seorang ulama Muslim Andalusia pada abad ke-11, dan Max Muller, seorang ahli falsafah dan orientalis Jerman dari abad ke-19. Walaupun mereka datang dari zaman, latar belakang budaya, dan agama yang berbeza, kedua-dua tokoh ini telah menyumbang secara signifikan dalam bidang kajian perbandingan agama melalui metodologi kajian terhadap teks-teks agama yang dikaji. Pendekatan tekstual Ibn Hazm dan Max Muller telah mendapat perhatian meluas daripada sarjana klasik dan kontemporari, khususnya mengenai cara penjelasan mereka yang sistematik dalam melakukan kajian tentang agama. Oleh itu, tidak hairanlah kedua-dua tokoh ini sering disebut sebagai 'Bapa Perbandingan Agama' oleh dunia Barat dan Islam.

## **LATAR BELAKANG IBN HAZM**

Ibn Hazm dilahirkan pada tahun 994 M di Córdoba, Al-Andalus (kini Sepanyol). Nama lengkap beliau ialah Ali bin Ahmad bin Sa'îd bin Hazm bin Ghalib bin Shalih bin Khalaf bin Ma'dan bin Sufyan bin Yazid bin Abi Sufyan bin Harb bin Umayyah bin Abd Syams al-Umawi. Dikenali sebagai Ibn Hazm. Ibn Hazm dilahirkan di daerah tenggara kota Cordova. Tarikh kelahirannya bersamaan dengan 7 November 994 M. Sejak kecil Ibn Hazm dibesarkan dalam keadaan yang mewah dan penuh kenikmatan kerana bapanya merupakan salah seorang menteri yang menetap di istana pada waktu itu. Ibn Hazm dilahirkan di daerah tenggara Cordova pada hari terakhir Ramadan 384 H (sebelum terbitnya matahari dan ketika imam solat subuh selesai mengucapkan salam), bersamaan dengan 7 November 994 M.

Beliau dibesarkan dalam keadaan yang mewah kerana bapanya merupakan seorang menteri di istana. Namun, hidupnya tidak selamanya tenang; beliau mengalami banyak kehilangan, termasuk ayah, abang, dan pelayan perempuannya dalam masa tiga tahun. Selain itu, cabaran politik di Andalusia mendorong Ibn Hazm untuk mempelajari perbandingan agama dengan cara mengkritik agama lain, khususnya Yahudi dan Kristian, untuk lebih bersedia menghadapi serangan terhadap Islam. Beliau juga banyak mengalami cubaan fitnah yang berpunca daripada politik. Keadaan politik di Andalusia yang tidak stabil ini telah mendorong Ibn Hazm mempelajari ilmu perbandingan agama dengan cara mengkritik agama lain. Ibn Hazm berpegang kepada Mazhab Zahiri dalam Islam yang menekankan pendekatan literal dalam memahami teks agama. Pengaruh persekitaran Andalusia yang pelbagai dari segi agama dan budaya menjadikan Ibn Hazm tertarik untuk memahami dan membandingkan agama-agama lain, terutamanya Yahudi dan Kristian.

Kehidupan Ibn Hazm sering berpindah randah disebabkan oleh ketidakstabilan politik. Walaupun beliau bercita-cita untuk pergi ke Baghdad, keadaan memaksa beliau berhijrah ke Almeria, dan kemudiannya ke Valencia setelah menghadapi pelbagai cabaran, termasuk penangkapan. Setelah beberapa peristiwa, beliau kembali ke Cordova dan memegang jawatan sebagai wazir, tetapi hanya untuk tujuh minggu. Akhirnya, beliau kembali menumpukan perhatian kepada penulisan dan pengajaran di Andalusia, di mana beliau menghasilkan karya penting seperti *Tawq al-Hamamah*. Seterusnya pada tahun 430 H, Ibn Hazm berpindah ke Pulau Majorca dan tinggal di sana.

Gabenor Majorca iaitu Abu al-Abbas Ahmad bin Rashiq telah mempelawa Ibn Hazm untuk menetap di pulau tersebut. Di sini, Ibn Hazm mendapat perlindungan politik dan mula menyebarkan mazhab Zahiri kepada rakyat sehingga mendapat sambutan. Namun terdapat ulama dan pengikut mazhab Maliki tidak senang dengan tindakan penyebaran mazhab Zahiri yang dibawa oleh Ibn Hazm lalu mereka mengadakan perbincangan dengan Ibn Hazm dan menjatuhkan maruahnyanya. Pada tahun 431 H, Ibn Hazm berpindah kembali ke kota Andalusia dan cuba menyebarkan mazhab Zahiri namun sentiasa dihalang oleh ulama mazhab Maliki. Akhirnya pengembaraan Ibn Hazm berakhir di Lablah yang merupakan tempat datuk dan neneknya dan disitulah Ibn Hazm menghabiskan sisa hidupnya.

Ibn Hazm memiliki semangat yang tinggi dan tidak mengenal lelah dalam menuntut ilmu. Beliau mendalami pelbagai bidang dan berguru kepada ramai ulama terkemuka. Dalam bidang hadis, beliau belajar daripada Ahmad ibn al-Jasur dan 'Abd al-Rahman al-'Azdi, yang merupakan tokoh-tokoh penting dalam disiplin tersebut. Dalam fikih, salah seorang gurunya ialah Abdullah ibn Dahun, seorang ulama Malikiyah yang terkenal dengan fatwa-fatwa beliau di Cordova. Antara guru fikih yang paling berpengaruh dalam membawa Ibn Hazm kepada mazhab al-Zahiri ialah Mas'ud ibn Sulaiman ibn Maflah (al-Afghani, 1969: 35). Dalam bidang logika, Ibn Hazm berguru kepada Muhammad ibn al-Hasan al-Madzhaji, yang lebih dikenali sebagai Ibn al-Kattami; beliau terkenal sebagai seorang penyair, ahli sastra, dan doktor yang meninggal selepas tahun 400 H (Ibn Khalikan, t.th.).

Selain itu, Ibn Hazm juga mempelajari logika dan ilmu kalam dari Abu al-Qasim al-Rahman ibn Abu Yazid al-Mishri (Syahrir 2007). Antara murid terkenal Ibn Hazm ialah Muhammad Abi Nashr Futuh al-Azdi al-Humaidi al-Andalusi (w. 488 H) yang merupakan pengarang kitab *Jadwah al-Muqtabis fi Zikr Wulah al-Andalus*, yang juga dikomentari oleh Ibn Khalikan. Al-Humaidi banyak menerima riwayat daripada Ibn Hazm al-Zhahiri dan menjalin persahabatan rapat dengannya. Beliau juga mengulas tentang sejarah Andalusia yang dipelajarinya dari Ibn Hazm yang paling banyak (al-Humaidi, 1966: 36).

## **KARYA PERBANDINGAN AGAMA IBN HAZM YANG TERKENAL AL-FAṢL FĪ AL-MĪLAL WA AL-AḤWĀ' WA AL-NIḤĀL**

Karya Ibn Hazm yang berjudul *al-Faṣl fī al-Mīlal wa al-Aḥwā' wa al-Niḥāl* atau dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *The Decisive Word on Sects, Heterodoxies, and Denominations*, merupakan salah satu karya yang diakui sebagai sangat signifikan dalam bidang kajian perbandingan agama (Religionwissenschaft). Karya ini bukan sahaja sebagai rujukan, tetapi juga sebagai hasil analisis dan perbincangan Ibn Hazm berkaitan isu-isu sejarah dan agama berasaskan teks agama dan persejarahan. Ibn Hazm menulis buku ini dalam bentuk polemik dan argumen.

Beliau menganalisis data-data keagamaan dengan menggunakan kaedah logik dan dialektik, serta terlibat dalam dialog dan perdebatan dengan para ulama dari tradisi agama lain, terutamanya Yahudi dan Kristian, pada zamannya mengenai isu-isu agama, seperti kesahihan kitab suci yang diwahyukan, konsep trinititi, inkarnasi, dan sebagainya. Salah satu sebab utama penulisan Kitāb al-Faṣl ini, seperti yang dinyatakan oleh Ibn Hazm pada permulaan bukunya dalam jilid pertama, adalah kerana kekurangan objektiviti, keadilan, dan kesempurnaan yang beliau dapati dalam karya-karya terdahulu oleh para ulama Muslim (Naṣr & 'Umayrah 1985: 35-36).

## **METODOLOGI KAJIAN PERBANDINGAN AGAMA (RELIGIOSNWISSENCHAFT) IBN HAZM**

Ibn Hazm adalah salah seorang cendekiawan Islam terkemuka yang telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam bidang kajian agama, khususnya dalam konteks perbandingan agama. Melalui karyanya, beliau telah mengembangkan pendekatan yang sistematik dan kritikal dalam menganalisis pelbagai tradisi agama. Pendekatan ini merangkumi kajian perbandingan, kajian persejarahan, kajian kritik logik dialektik dan kajian teks agama.

### **i. Kajian Antropologi (Persejarahan)**

Ibn Hazm telah menghasilkan sumbangan yang besar kepada konteks sejarah dalam pemahaman agama. Kaedah persejarahan ini bertujuan menilai pengaruh sejarah terhadap pemikiran agama. Beliau menyedari bahawa latar belakang sejarah dan sosial memainkan peranan penting dalam perkembangan kepercayaan dan amalan agama. Dengan mengkaji sejarah sect-sect dalam Islam dan pengaruh peristiwa sejarah terhadap pemikiran agama, Ibn Hazm menyediakan gambaran yang komprehensif mengenai bagaimana pelbagai sect muncul dan berkembang. Kaedah kerja ini bukan sahaja memperjelas perbezaan antara pelbagai tradisi agama, tetapi juga menyerlahkan persamaan yang wujud di antara mereka.

## ii. Kajian Perbandingan

Ibn Hazm melakukan perbandingan doktrin agama dan amalan pelbagai tradisi agama. Analisis perbandingan, telah dilaksanakan oleh Ibn Hazm terhadap pelbagai tradisi agama, terutamanya Islam, Yahudi, dan Kristian. Dalam karya beliau, yang terkenal sebagai *Kitab al-Fasl*, beliau mengkaji doktrin dan amalan setiap sect dengan cara yang teratur dan sistematik. Melalui pendekatan ini, beliau berusaha untuk memahami kepercayaan asas yang membentuk identiti setiap agama. Dengan menggunakan pendekatan kritikal, Ibn Hazm memeriksa teks-teks agama dengan teliti, mengenal pasti elemen-elemen yang relevan dan mencabar, serta menilai kesahihan dan kebolehpercayaan setiap teks.

## iii. Kajian Analisis Teks Agama

Ibn Hazm menggunakan kaedah kritikan teks yang membolehkannya menilai kesahihan dan kebolehpercayaan kitab-kitab agama. Melalui perspektif kritikal ini, beliau dapat berhujah bagi kesahan teks-teks Islam sambil mempertanyakan kesahan teks-teks agama lain. Ini menunjukkan bahawa beliau bukan sahaja fokus kepada mempertahankan agamanya, tetapi juga berusaha untuk memberikan penilaian yang adil terhadap agama lain.

## iv. Kajian Analisis Logik Dialektik

Ibn Hazm menggunakan Kaedah logik dan dialektik untuk menganalisis hujah-hujah Yahudi dan Kristian terhadap doktrin yang mereka anuti. Karyanya sering dicirikan oleh struktur logik yang jelas dan perdebatan yang tajam. Beliau menggunakan prinsip-prinsip logik untuk menganalisis hujah-hujah agama, yang membolehkannya menjelaskan kedudukan teologinya sendiri dengan lebih berkesan. Dalam konteks ini, Ibn Hazm terlibat dalam dialog dan perdebatan dengan sarjana dari agama lain, terutamanya Yahudi dan Kristian. Hujah-hujahnya sering mencabar pandangan orang lain mengenai isu-isu seperti kesahihan kitab wahyu, konsep ketuhanan, dan isu-isu teologi lain.

### **Kaedah Analisis Teks Agama Menurut Ibn Hazm**

Kaedah Analisis Teks Agama yang dilakukan oleh Ibn Hazm telah dipengaruhi dengan kecenderungan Zahiri beliau. Dalam karya *Al-Faṣl fi al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal*, Ibn Hazm menggunakan beberapa kaedah utama untuk mengkaji dan mengkritik agama-agama lain, iaitu penegasan / konfirmatif (taqrir), kritik (naqd), induktif dan deduktif. Setiap kaedah ini berfungsi secara berbeza untuk menyokong hujah-hujah beliau dalam mempertahankan kebenaran Islam serta menolak keabsahan ajaran-ajaran agama lain seperti Kristian dan Yahudi.

#### i. Kaedah Konfirmatif (Taqrir)

Ibn Hazm menggunakan pelbagai prosedur metodologi ketika menganalisis dan membandingkan agama dalam *Al-Faṣl fi al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal*; antaranya adalah prosedur yang dikenali sebagai taqrir. Prosedur ini merujuk kepada usaha Ibn Hazm untuk mengesahkan kebenaran agama Islam, sambil menolak dan mencabar sebarang justifikasi dalam dua agama yang paling hampir bersaing dengannya, iaitu Kristian dan Yahudi. Kaedah taqrir melibatkan pengumpulan fakta dan bukti daripada kitab-kitab suci agama lain, seperti Taurat dan Injil, dan secara sistematik membandingkannya dengan ajaran Islam untuk menonjolkan ketidakkonsistenan atau kelemahan dalam doktrin agama-agama tersebut.

Dalam menggunakan kaedah ini, Ibn Hazm memberi penekanan yang besar terhadap kesahihan teks agama. Beliau sering membandingkan teks asli dengan terjemahan atau tafsiran yang telah diubah, dengan tujuan menunjukkan bagaimana agama Yahudi dan Kristian telah diselewengkan. Beliau menggunakan pendekatan ini untuk memperkukuh dakwaan bahawa Islam masih kekal utuh dan Al-Quran tidak berubah daripada wahyu asal. Dalam perdebatan ini, Ibn Hazm menggunakan logik dan bukti tekstual untuk memperkuat ajaran Islam mengenai pelbagai isu dogmatik, seperti konsep Tuhan, Trinitas, dan kenabian, sambil membuktikan bahawa agama lain tidak mampu memberikan doktrin yang sah dan logik (Mahmud Ali Himayah, 2001: 164, 218).

Kaedah taqirir juga melibatkan hujah dialektik di mana Ibn Hazm membentangkan pandangan pihak lawannya, menilai hujah mereka secara kritikal, dan kemudian memberikan respons yang kritikal dan meyakinkan. Dalam kaedah ini, Ibn Hazm menegaskan bahawa Islam kekal konsisten dengan wahyu asal yang tidak diubah, berbanding dengan Taurat dan Injil yang dikatakannya telah mengalami perubahan dan membentangkan bukti secara sistematik. Dalam konteks Ibn Hazm, taqirir bukan sekadar bentuk pembelaan untuk Islam, tetapi juga satu cara intelektual untuk mengesahkan apa yang dipegang oleh umat Islam berbanding agama lain.

## ii. Kaedah Naqd (Kritik)

Ibn Hazm menggunakan kaedah naqd (kritik) sebagai salah satu pendekatan utama dalam menilai dan menolak doktrin agama lain, khususnya Yahudi dan Kristian. Kaedah naqd ini merujuk kepada usaha Ibn Hazm dalam meneliti, mengkaji, dan menganalisis secara kritikal ajaran-ajaran agama selain Islam (Mahmud Ali Himayah, 2001: 164, 218). Beliau tidak sekadar membentangkan pandangan agama-agama tersebut, tetapi turut mengkritik asas-asas teologi dan sejarah yang menjadi pegangan mereka. Kritikan beliau sering kali disokong dengan fakta dan bukti daripada teks-teks suci agama berkenaan, seperti Taurat dan Injil, di mana beliau mendapati terdapat ketidakselarasan dan percanggahan dalam kandungannya.

Ibn Hazm menggunakan kaedah kritik untuk membuktikan bahawa agama Yahudi dan Kristian telah menyimpang daripada ajaran asal wahyu yang diturunkan oleh Allah. Sebagai contoh, beliau mengkritik konsep Trinitas dalam agama Kristian, yang menurutnya tidak selaras dengan ajaran tauhid (keesaan Tuhan) yang dipegang oleh Islam. Selain itu, beliau juga mendedahkan perubahan dan penyuntingan yang berlaku dalam teks kitab suci agama-agama tersebut, menunjukkan bahawa teks tersebut tidak lagi asli atau murni seperti yang asalnya diwahyukan.

Kaedah Kritik, Ibn Hazm juga bersifat rasional dan logik, di mana beliau sering menggunakan hujah logik untuk mematahkan pandangan teologi pihak lawannya. Sebagai contoh, beliau menolak idea penjelmaan Tuhan dalam bentuk manusia (inkarnasi) dalam agama Kristian, dengan berhujah bahawa konsep ini tidak logik dan bertentangan dengan konsep Tuhan yang Maha Esa dan tidak terbatas. Dalam setiap kritikan, Ibn Hazm sentiasa merujuk kepada Al-Quran sebagai wahyu terakhir dan paling sempurna, serta sebagai kriteria untuk menilai kebenaran ajaran-ajaran lain.

Secara keseluruhannya, kaedah kritik ini digunakan oleh Ibn Hazm bukan sahaja bertujuan untuk menolak ajaran agama lain, tetapi juga untuk menegaskan hujah bahawa Islam adalah agama yang benar dan murni, serta tidak tercemar oleh sebarang perubahan atau penyimpangan. Melalui pendekatan kritis ini, Ibn Hazm berjaya memberikan sumbangan yang besar dalam bidang perbandingan agama dan membela Islam daripada serangan teologi.

### iii. Kaedah Induktif

Kaedah induktif adalah maklumat dan bukti dikumpul daripada semua sumber yang ada, dianalisis, dan kemudian dibuat kesimpulan umum. Dalam konteks Ibn Hazm, kaedah ini digunakan untuk mengumpul fakta daripada kitab-kitab suci agama lain seperti Taurat, Injil, dan teks-teks agama lain yang terdapat dalam agama Yahudi dan Kristian. Ibn Hazm terlebih dahulu meneliti ayat-ayat dan naratif tersebut untuk memahami ajaran dan sejarah agama-agama itu, kemudian membandingkannya secara sistematik dengan ajaran Islam. Melalui kaedah induktif ini, Ibn Hazm berusaha membuktikan bahawa agama-agama lain telah mengalami perubahan dan penyimpangan daripada mesej asalnya. Beliau mendapati banyak percanggahan dalam pelbagai versi Bible dan Taurat.

Oleh itu, beliau membuat kesimpulan bahawa Islam tetap konsisten dengan agama yang sama yang diturunkan Tuhan kepada semua nabi, dan bahawa Al-Quran kekal tidak berubah daripada wahyu asalnya. Dalam kajian teologi, kaedah induktif membolehkan Ibn Hazm meneliti setiap aspek doktrin agama lain dengan terperinci sebelum memberikan kesimpulan yang lebih luas. Dengan menggunakan kaedah ini, Ibn Hazm dapat mengkritik agama lain berdasarkan bukti empirik yang diperolehinya daripada teks-teks asal mereka.

### iv. Kaedah Deduktif

Selain kaedah induktif, Ibn Hazm turut menggunakan kaedah deduktif di mana prinsip-prinsip umum digunakan untuk membuat kesimpulan khusus. Kaedah deduktif memberi tumpuan kepada logik dan hujah rasional, di mana Ibn Hazm bermula dengan prinsip asas Islam, khususnya konsep tawhid (keesaan Tuhan), dan menggunakan prinsip ini dalam hujah-hujah untuk menolak ajaran agama lain yang bertentangan dengan Islam.

Sebagai contoh, dalam menolak teori Trinitas Kristian, Ibn Hazm menggunakan kaedah deduktif yang merujuk kepada prinsip Islam yang jelas mengenai tawhid, iaitu Tuhan Esa. Oleh itu, beliau menyimpulkan bahawa dogma Trinitas adalah tidak logik dan bercanggah dengan akal kerana Tuhan tidak boleh terdiri daripada tiga entiti yang berbeza, bertentangan dengan konsep keesaan Tuhan. Selain itu, beliau juga menggunakan kaedah deduktif ini dalam hujah-hujah mengenai kenabian, di mana Ibn Hazm menolak dakwaan kenabian dalam agama lain berdasarkan kriteria Islam yang sah mengenai kenabian yang benar.

Melalui kaedah deduktif ini, beliau menunjukkan bahawa nabi-nabi yang diiktiraf oleh agama lain tidak memenuhi kriteria sah yang ditetapkan oleh Islam. Beliau menggunakan metod ini dalam membuktikan kenabian nabi Muhammad SAW terhadap kumpulan yang percaya pada nabi lain akan tetapi meragui kerasulan nabi Muhammad SAW. Antara hujah Ibn Hazm adalah sesungguhnya cara keimanan kepada nabi yang mereka imani dengan cara kita imani adalah satu dan tiada perbezaan antara kedua-duanya sedikit pun. Sesungguhnya keimanan dengan tuhan yang mengutus nabi Musa itulah juga keimanan dengan tuhan yang mengutus nabi Muhammad SAW. Sesungguhnya semua cara itu adalah satu tiada bezanya." (Ibn Hazm 1996)

Pendekatan induktif dan deduktif yang digunakan oleh Ibn Hazm menunjukkan kecerdasan intelektual dan metodologi beliau dalam menganalisis agama-agama lain secara mendalam. Kaedah induktif membolehkannya menyiasat teks dan ajaran agama lain secara empirik, manakala kaedah deduktif menyediakan asas logik yang kukuh untuk menolak ajaran yang bercanggah dengan Islam.

Apabila digunakan bersama, kedua-dua kaedah ini menjadikan karya Ibn Hazm sebagai titik tolak penting dalam kajian perbandingan agama, kerana ia bersifat kritikal, ilmiah, dan sistematik. Ibn Hazm juga menggunakan metod induktif iaitu menganalisis idea-idea dan data kritikal yang ada dalam pelbagai pemikiran dan agama. Beliau menggunakan metod ini ketika membuat penyelidikan perjanjian lama dan gospel. Mengumpul kesilapan fakta yang terdapat dalam perjanjian lama dan gospel. Merumuskan kedua-duanya bukan dari wahyu yang asli melainkan hasil campur tangan manusia ((Ibn Hazm 1996).

Pendekatan Ibn Hazm lebih bersifat apologetik dan berusaha membuktikan kebenaran Islam melalui analisis teks. Keempat-empat kaedah ini digunakan secara bersepadu oleh Ibn Hazm untuk menganalisis, membanding, dan menolak ajaran agama lain sambil mempertahankan ajaran Islam dengan cara yang kritikal dan ilmiah.

## LATAR BELAKANG MAX MULLER

Friedrich Max Muller telah dilahirkan pada 6 Disember 1823 di kota Dessau, ibu negeri bagi Duchy of Anhalt-Dessau, Jerman. Beliau menjadi anak yatim setelah bapa beliau, Wilhelm Muller, seorang sasterawan terkenal, meninggal dunia semasa beliau berusia empat tahun. Dengan sokongan daripada ibu dan kaum kerabat beliau, Max Muller telah melanjutkan pelajaran ke bandar Leipzig, seterusnya ke Berlin dan Paris. Beliau telah mendalami bidang falsafah dan filologi terutamanya dalam bahasa Sanskrit. Antara karya terawal beliau ialah menerbitkan edisi lengkap kitab Rig-Veda berserta komentar yang komprehensif sebanyak enam jilid. Karya beliau ini dianggap sebagai yang pertama sekali dihasilkan di Eropah ketika itu.

Beliau berpindah ke England pada tahun 1846 dan melanjutkan pelajaran pula di Oxford. Pada tahun 1850, beliau dilantik sebagai Professor dalam bidang Bahasa Moden di Universiti Oxford. Max Muller juga dianugerahkan darjah M.A. kehormat oleh kolej Christ Church di Oxford, diberi jawatan felo tetap di kolej All Souls serta memperoleh gelaran professor pada tahun 1854.

Meskipun gagal memperoleh jawatan Professor dalam bidang Sanskrit pada tahun 1860, beliau diberi penghormatan untuk menjadi Professor dalam bidang Perbandingan Filologi di Universiti Oxford, sebuah kerusi yang diwujudkan buat pertama kalinya untuk memanfaatkan kepakaran beliau. Beliau memegang jawatan tersebut dari tahun 1868 sehingga beliau bersara pada tahun 1875 (Alles, 2022).

Max Muller boleh dikatakan mempunyai keberanian dan sikap yang terbuka untuk mengkaji suatu subjek yang selama ini dianggap suci dan tidak boleh disentuh oleh sebahagian masyarakat ketika itu. Sebahagian yang lain pula menganggap bahawa agama merupakan perkara yang bersifat abstrak, emosi, halusinasi dan tidak sepadan dengan prinsip-prinsip sains. Max Muller bersetuju bahawa agama sewajarnya diberikan penghormatan tertinggi kerana kedudukan dan pengaruhnya yang besar dalam kehidupan manusia.

Namun, penghormatan ini tidaklah bermakna sesuatu perkara itu mestilah bebas daripada penelitian secara jujur dan terbuka. Sebaliknya, menurut beliau, penghormatan tertinggi buat agama ialah dengan mengenal pasti secara telus setiap aspek asal-usul, nilai, prinsip, dan perkembangan yang dilaluinya dengan memberikan keyakinan yang penuh tanpa bersikap berat sebelah atau berkompromi dengan apa jua kebenaran yang ditemui (Muller, 1978).

Persepsi bahawa agama merupakan sesuatu yang abstrak dan tidak sehaluan dengan sains juga ditolak oleh Max Muller, yang berpandangan bahawa agama juga boleh digandingkan dengan sains dan dikaji secara saintifik sebagaimana kajian terhadap bahasa pertuturan manusia boleh dilakukan. Konsep 'Religionswissenschaft' diusulkan oleh Max Muller setelah usaha beliau memperkenalkan 'Sains Bahasa' mendapat sambutan yang amat menggalakkan di seluruh Eropah dan Amerika.

Kajian Perbandingan Agama yang ingin diketengahkan juga mempunyai hubungan yang rapat dengan Sains Bahasa tersebut. Dengan usaha beliau merintis dan meletakkan asas bagi bidang perbandingan agama khususnya di Barat, Max Muller telah diberikan gelaran 'Bapa Perbandingan Agama'. Bagi kajian ini, penulis ingin memberi tumpuan terhadap kaedah Kajian Perbandingan Agama atau 'Religionswissenschaft' daripada karya Max Muller yang bertajuk 'Introduction to the Science of Religion'.



Keperibadian Max Muller banyak dipengaruhi oleh latar belakang beliau sebagai seorang anak yatim. Setelah kematian bapa, ibu beliau, Adelheide Muller telah mengalami kemurungan dan gemar menyisihkan diri daripada masyarakat. Ibu beliau juga terpaksa berjimat untuk membesarkan Max Muller dan kakak beliau secara bersendirian dengan wang simpanan dan pencen yang sedikit hasil peninggalan bapa beliau (Muller, 1901).

Namun begitu, saudara-mara sebelah ibunya iaitu keluarga von Basedow berasal daripada kelas aristokrat yang berkhidmat dengan pemerintah Anhalt-Dessau, sekaligus dapat membantu menampung kehidupan mereka. Seperti ibu mereka, kakak Max Muller juga mengalami kemurungan setelah kematian mengejut anak-anaknya. Kesedihan ini akhirnya mengakibatkan kematian kakaknya pada usia yang muda. Justeru, Max Muller telah banyak menghadapi kesedihan akibat pemergian orang-orang tersayang semasa hayat beliau (Chaudhuri, 1974).

Max Muller sendiri merupakan pengikut aliran gereja Lutheran yang dominan di Jerman. Namun, Keadaan di bandar kecil Dessau amat jauh daripada suasana mewah dan materialistik seperti yang terdapat di bandar-bandar utama Eropah ketika itu mempengaruhi pandangan beliau khususnya terhadap institusi agama di gereja, di mana beliau berpandangan bahawa nilai agama yang sebenar ialah khidmat kepada masyarakat dan menolong orang yang susah, bukannya ritual tradisi menggunakan alatan materialistik seperti yang menjadi amalan di gereja Roman Katolik (Chaudhuri, 1974).

Dasar toleransi dalam kalangan masyarakat Dessau pada masa itu membolehkan beliau dan rakan-rakannya bergaul dan bermain bersama kanak-kanak daripada keluarga yang berbeza aliran dengan mereka, termasuklah kanak-kanak berbangsa Yahudi sekalipun (Muller, 1901). Oleh itu, pandangan beliau terhadap orang yang berbeza aliran gereja adalah agak lembut, sebagaimana pengakuan beliau bahawa terdapat orang-orang yang baik dan ikhlas dalam setiap aliran, dan perbezaan mereka hanyalah dalam pendekatan untuk memahami beberapa doktrin Kristian itu sahaja.

## **KARYA UTAMA MAX MULLER DALAM KAJIAN PERBANDINGAN AGAMA**

Max Müller merupakan salah satu tokoh yang paling berpengaruh dalam bidang perbandingan agama. Melalui karya-karyanya, khususnya *Introduction to the Science of Religion* dan *The Sacred Books of the East*. Müller telah membuka memberi sumbangan besar dalam ilmu kaji agama-agama dan memberi fokus kepada agama-agama timur.

### ***Introduction to the Science of Religion***

Dalam *Introduction to the Science of Religion*, Müller mengemukakan pandangan dan metodologi untuk kajian perbandingan agama. Beliau menekankan bahawa untuk memahami agama secara menyeluruh, ahli kaji agama-agama perlu melihat kepada konteks budaya dan sejarah di sebalik setiap tradisi. Müller percaya bahawa agama tidak boleh dipisahkan daripada latar belakang budaya yang membentuknya. Antara elemen yang mempengaruhi agama adalah sejarah, mitos dan tahap beragama sesuatu masyarakat beragama tersebut.

### ***The Sacred Books of the East***

Karya Müller yang lain, *The Sacred Books of the East*, merupakan satu siri penerbitan yang diterbitkan antara tahun 1879 dan 1910. Dalam siri ini, beliau menyajikan terjemahan dan analisis teks-teks agama dari pelbagai tradisi, termasuk Hindu, Buddha, Zoroastrianisme, dan agama-agama Semitik. Karya ini menunjukkan komitmen Müller untuk memahami dan menghargai kepelbagaian tradisi agama di seluruh dunia.

Melalui karya ini Müller tidak hanya menyediakan terjemahan teks-teks suci, tetapi juga menerapkan metodologi perbandingan. Beliau menunjukkan bagaimana pendekatan ini dapat digunakan untuk memahami kesamaan dan perbezaan antara tradisi-tradisi agama. Dengan ini, Müller menegaskan bahawa walaupun terdapat perbezaan yang jelas antara agama-agama, banyak ajaran dan nilai dalam tradisi tersebut berkongsi tema yang sama, seperti pencarian kebenaran, moralitas, dan hubungan manusia dengan Tuhan. Max Muller, melalui karya-karyanya, telah memberikan sumbangan yang tidak ternilai kepada bidang perbandingan agama. Dengan pendekatan yang inklusif dan analitis, beliau telah mencipta platform untuk kajian agama yang berasaskan metodologi saintifik dan pemahaman budaya. Karyanya terus menjadi rujukan penting bagi sesiapa yang ingin mendalami bidang perbandingan agama dan memahami kompleksiti pengalaman religius manusia. Melalui pemikirannya yang mendalam, Müller telah berjaya memupuk dialog antara pelbagai tradisi agama, menjadikan karyanya relevan dan berharga sehingga ke hari ini.

#### **METODOLOGI KAJIAN PERBANDINGAN AGAMA (RELIGIONSWISSENSCHAFT) MAX MULLER**

Max Muller mempunyai kepakaran yang mendalam dalam bidang falsafah, filologi, teologi, sejarah, dan juga menguasai pelbagai bahasa. Dengan kepakaran dalam bidang-bidang tersebut, beliau dapat menjalankan kajian dalam perbandingan agama menggunakan kajian antropologi, kajian perbandingan dan kajian analisis teks agama. Di samping itu, beliau juga menggunakan pendekatan filologi atau linguistik untuk mendalami isi kandungan kitab suci dan tradisi warisan dalam sesuatu agama.

##### **i. Kajian Antropologi (Persejarahan)**

Kajian Antropologi adalah menganalisis sesuatu agama berdasarkan faktor sejarah, kitab suci, kajian terhadap tokoh dan penganut agama tersebut serta meneliti budaya dan amalan mereka. Max Muller menegaskan bahawa setiap pengkaji agama atau 'Religionswissenschaft' perlulah meletakkan diri di posisi yang lebih tinggi dan neutral. Tugas seorang pengkaji Sains Agama ialah menganalisis sejarah dan doktrin sesuatu agama, dan sekiranya ada kekurangan atau kesilapan, ia perlu mengambil sikap seperti seorang pakar perubatan, mengkaji 'penyakit' agama itu, mengenal pasti puncanya, melihat kesannya, dan mencari penawar namun meninggalkan tugas menyembuhkan kepada 'dokter bedah' atau pihak berautoriti agama itu untuk menyelesaikan masalah tersebut. Antara persoalan besar yang perlu diselesaikan oleh pelajar Kajian Perbandingan Agama ialah apa itu agama, apakah asas yang diikuti oleh agama, bagaimana pengaruhnya terhadap jiwa dan tamadun manusia, serta bagaimanakah cara ia berkembang (Muller, 1978).

Oleh kerana agama berkait rapat dengan manusia yang mempunyai ikatan kuat dengan sejarah dan budaya lokaliti, pendekatan antropologi dapat mendedahkan hubungan antara perkembangan sejarah manusia dengan agama. Sebagai contoh, budaya dan sejarah pengalaman manusia silam boleh menjadi asbab kepada kelahiran sesebuah agama, perpecahan aliran agama, pengamalan sesuatu tradisi malah ciri-ciri doktrin asas sesuatu kepercayaan. Misalnya, kelahiran agama Buddha bermula daripada pengembaraan spiritual Siddharta Gautama Buddha hasil pendedahan beliau kepada kesengsaraan yang terdapat di dunia.

Hasilnya, agama Buddha amat menekankan doktrin dharma yang mengajar nilai-nilai etika yang akan menghilangkan kesengsaraan dan mencapai nirvana. Selain itu, dalam konteks perkembangan manusia, pemerhatian Max Muller mendapati bahawa bangsa-bangsa yang mempunyai induk yang sama lazimnya berkongsi asas kepercayaan yang sama. Sebagai contoh, ras bangsa 'Turan' yang merangkumi etnik Cina, Monggol, Turkic dan Finnic berkongsi ciri-ciri agama yang sama seperti menyembah nenek moyang, dan mempercayai suatu Tuhan Agung yang menguasai langit atau syurga. Kelompok ras bangsa yang lain yang disenaraikan oleh Max Muller termasuklah ras Aryan (merangkumi etnik Yunani, Hindu, Celtic) dan Semitik (merangkumi etnik Arab, Yahudi, Syriac) dengan masing-masing mempunyai ciri bahasa, budaya dan kepercayaan yang hampir antara sesama anggota ras tersebut.

## ii. Kajian Perbandingan

Agama menurut Max Muller mempunyai dua maksud berbeza. Maksud yang pertama ialah sebuah badan doktrin yang diwariskan oleh sekumpulan manusia kepada generasi seterusnya secara tradisi, atau dalam bentuk penulisan atau kitab-kitab suci yang mengandungi segala prinsip dalam agama itu. Contoh daripada penjelasan ini ialah agama Yahudi, Kristian, Hindu dan Islam. Maksud yang kedua pula ialah satu fakulti mental yang membezakan manusia daripada haiwan, iaitu kemampuan atau kecenderungan mereka untuk menggapai atau cuba memahami sesuatu entiti yang berkuasa yang dikenali dengan pelbagai nama, iaitu tuhan.

Hal ini tidak mampu diperoleh melalui pancaindera atau logik akal, namun sentiasa hadir dalam jiwa manusia tanpa mengira zaman, tamadun atau geografi (Muller, 1978). Mengikut kedua takrifan ini, agama boleh dibahagikan kepada dua, iaitu agama secara historikal atau 'Comparative Theology' serta agama dalam konteks bagaimana kepercayaan terhadap tuhan itu wujud, baik dalam keadaan yang paling lengkap dan sempurna atau juga dalam keadaan yang paling primitif, yang digelar sebagai 'Theoretic Theology' oleh Max Muller. Dalam konteks Kaedah Perbandingan, Max Muller memilih untuk memberi tumpuan kepada 'Comparative Theology', kerana hanya setelah maklumat mengenai agama historikal ini telah lengkap, barulah bahagian 'Theoretical Theology' ini boleh difahami dengan lebih baik.

Menariknya, Max Muller berpandangan bahawa 'Theoretical Theology' inilah yang paling kerap menjadi perbincangan tokoh-tokoh pemikir lampau Yunani yang terkenal sehingga ke hari ini. Beliau menjelaskan faktor Kajian Perbandingan Agama secara 'Comparative Theology' tidak diberi perhatian oleh tokoh-tokoh lampau adalah kerana pengetahuan mereka tentang agama-agama di dunia sangat terbatas pada masa itu (Muller, 1901, Muller, 1978). Pengetahuan mengenai agama oleh masyarakat silam lazimnya terbatas kepada hanya satu agama yang menjadi anutan penduduk setempat atau mungkin satu atau dua agama lain yang diikuti di wilayah berhampiran, namun sering kali agama lain ini tidaklah benar-benar difahami oleh masyarakat luar.

Situasi ini telah berubah pada masa kini, kerana para pengkaji telah mempunyai akses kepada pelbagai manuskrip dan kitab suci daripada semua agama-agama besar dunia seperti Hindu, Buddha, Kristian, Yahudi, Islam dan Zoroastrian. Malah, rekod-rekod mengenai kepercayaan kabilah-kabilah terpencil di Afrika dan Melanesia juga boleh didapati pada masa ini, yang dicatat oleh peneroka atau mubaligh-mubaligh Kristian hasil aktiviti kolonialisme. Meskipun terdapat beberapa tokoh pada masa silam seperti Maharaja Akbar dari India telah terlibat dalam kajian perbandingan agama, namun skala dan ketepatan maklumat yang diperolehi oleh baginda tidak dapat menandingi apa yang kita perolehi hari ini.

Justeru, hujah beliau, inilah masa yang tepat untuk mengkaji agama-agama dunia dengan perbandingan secara saintifik dan sistematik.

### iii. Kajian Analisis Teks Agama

Menurut Max Muller, kajian terhadap dokumen-dokumen asal sesuatu agama akan membolehkan kita mengenalpasti apakah doktrin atau prinsip asas yang diletakkan oleh pengasasnya serta apa yang ditambah pada waktu terkemudian. Dengan ini, kita dapat melihat apa yang ingin disampaikan oleh pengasas agama tersebut dan bagaimana pemahaman, buah fikiran atau mungkin penyelewengan generasi terkemudian telah menghasilkan doktrin atau prinsip baru dalam agama tersebut. Sebelum kita membandingkan sesuatu agama dengan agama yang lain, doktrin dan prinsip asal ini perlu digali dan dimurnikan terlebih dahulu agar kesimpulan yang benar dapat dibuat dalam perbandingan antara agama kelak (Muller, 1978).

Beliau memberi contoh agama Buddha setelah pemergian pengasasnya Siddharta Gautama Buddha, di mana para muridnya mula menghimpunkan kata-kata dan ajaran beliau semasa beliau hidup. Akibat perbezaan daya ingatan dan kefahaman, mereka mula berselisih pendapat dan sebahagian menganggap yang lain sebagai salah atau tersesat daripada memahami agama yang sebenar. Apabila hal ini berlanjutan merentas generasi, perselisihan yang berlaku menjadi semakin serius sehingga memerlukan campur tangan pemerintah. Lalu pihak pemerintah memanggil para pendeta untuk menghadiri majlis bagi menetapkan apakah aliran atau dasar yang benar, siapakah kumpulan 'ortodoks' dan siapakah yang dianggap menyeleweng.

Pemerintah kemudian memutuskan ajaran-ajaran yang sesuai dengan kehendaknya dan mewajibkan ia dituruti oleh semua rakyat, di samping menyatakan ajaran yang bertentangan sebagai sesat. Maka wujudlah sekte yang berbeza dalam sesebuah agama. Melalui contoh ini, Max Muller memberi peringatan bahawa apa yang disebutkan dalam kitab suci itu tidaklah boleh dipercayai secara mutlak begitu sahaja. Oleh itu, kajian lanjut perlu dilakukan untuk mengenal pasti sebarang penambahan atau perubahan doktrin-doktrin ini.

## **KAEDAH ANALISIS TEKS AGAMA MENURUT MAX MULLER**

Terdapat beberapa kaedah analisis teks agama yang digunakan oleh Max Muller iaitu (Muller, 1978):

### i. Kaedah Linguistik-Semantik

Max Müller, seorang sarjana yang terkenal dalam bidang perbandingan agama, merupakan pelopor dalam penerapan kaedah linguistik dalam kajian agama. Melalui pendekatannya, Müller memperkenalkan cara baru untuk memahami teks-teks agama dan fenomena religius, serta menunjukkan bagaimana bahasa dan linguistik dapat memberikan wawasan mendalam tentang kepercayaan dan amalan agama.

Müller berpendapat bahawa bahasa adalah alat penting dalam pembentukan dan penyampaian makna dalam teks-teks agama. Beliau percaya bahawa untuk memahami ajaran agama, kita perlu memahami bahasa yang digunakan untuk menyampaikan ajaran tersebut. Oleh itu, salah satu pendekatan utama Müller adalah menganalisis struktur linguistik dan kosa kata dalam teks-teks suci. Dalam karyanya, beliau sering merujuk kepada bahasa asal teks-teks tersebut, termasuk Sanskrit, Pali, dan bahasa-bahasa Semitik, untuk mendapatkan makna yang lebih tepat dan mendalam.

Antara aspek linguistik yang sering diberi penekanan oleh Max Muller ialah penggunaan kaedah semantik, iaitu menganalisis makna, kata dasar dan tatabahasa yang sering digunakan dalam tradisi sesuatu agama bagi melihat perkaitan atau perbezaannya dengan agama lain. Melalui cara inilah beliau mendapat idea untuk megusulkan kaedah tipologi agama berdasarkan ras Aryan, Semitik dan Turan. Hal ini kerana setiap etnik yang menjadi anggota bagi salah satu 'keluarga besar' ras ini lazimnya mempunyai hubungan linguistik, falsafah dan keagamaan yang mirip dengan etnik lain di bawah keluarga yang sama. Sebagai contoh, sebutan nama Tuhan dalam ras Aryan disebut sebagai 'dyaus' dalam bahasa Sanskrit, 'zeus' dalam bahasa Yunani, dan 'tiu' dalam bahasa Jerman. Menurut Max Muller, persamaan fonetik ini menunjukkan bahawa nenek moyang etnik-etnik Aryan ini berkongsi pengalaman yang sama iaitu menyembah tuhan yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, dan dinisbahkan kepada objek yang terhebat pada mata mereka iaitu langit. Kesenambungan ini boleh dilihat dalam kalangan bangsa Aryan Eropah pada hari ini, yang meskipun menganut agama Kristian yang berasal dari kelompok agama Semitik, masih mengekalkan frasa Aryan dalam ucapan 'Our Father which art in Heaven' yang bermaksud 'Tuhan kami yang berada di syurga' dalam ritual-ritual di gereja.

a. Kaedah Linguistik dalam Analisis Mitos dan Simbol agama

Muller menggunakan kaedah linguistik untuk menganalisis mitos dan simbol dalam pelbagai tradisi agama. Beliau percaya bahawa mitos bukan sekadar cerita, tetapi juga mengandungi lapisan makna yang kompleks yang dapat diungkapkan melalui analisis linguistik. Sebagai contoh, dalam menganalisis mitos penciptaan dalam pelbagai tradisi, Müller memfokuskan kepada penggunaan kata-kata tertentu dan bagaimana kata-kata tersebut membentuk pemahaman tentang hubungan antara manusia dan alam semesta. Melalui analisis linguistik ini, beliau mengemukakan bahawa terdapat corak umum dalam mitos penciptaan di seluruh dunia, yang menunjukkan persamaan dalam pengalaman religius manusia.

Perkembangan bahasa sesebuah kaum juga menjadi penyumbang kepada kelahiran sesebuah mitos atau agama. Sebagai contoh, masyarakat Zulu percaya bahawa semua manusia berasal daripada nenek moyang yang sama, yang digelar Unkulunkulu (moyang dalam bahasa Zulu). Apabila ditanya siapakah bapa Unkulunkulu, mereka menjawab dengan menceritakan bahawa beliau tumbuh daripada rumpun tumbuhan seperti mensiang (tumbuhan yang mempunyai satu rumpun yang mencambahkan batang dan helaian daun seperti serai atau buluh). Jika diteliti menerusi contoh daripada bahasa Sanskrit, kalimah 'parvan' dalam Sanskrit pada asalnya bermaksud ikatan buluh, kemudian maknanya berubah dengan memberi maksud ikatan kekeluargaan. Begitu juga kalimah 'vamsa' dalam Sanskrit yang bermaksud 'keturunan' asalnya bermaksud sebuah rumpun. Dalam bahasa Zulu, sebuah tumbuhan yang mengeluarkan pucuk atau cabang baharu dari rumpun asalnya dipanggil 'uthlanga'.

Oleh itu, besar kemungkinan bahawa Unkulunkulu berasal daripada perkataan ini, yakni dalam bentuk metafora yang menunjukkan beliau merupakan punca atau induk bagi seluruh manusia, sebagaimana seorang bapa (simbolik rumpun asal) menjadi punca kepada anak-anaknya (cabang baharu). Perkataan ini terus diwarisi dalam masyarakat Zulu, akan tetapi maksud dan kefahaman tentangnya telah dilupakan. Hal yang sama dapat dilihat dalam mitos Yunani, seperti peristiwa dewa Haphaestus menetak kepala dewa Zeus dengan kapak, lalu terbit dewi Athena dari belahan itu.

Hal ini tidaklah pelik jika dilihat dari sudut etimologi, iaitu nama Zeus sendiri bermaksud langit. Oleh itu, dahi Zeus (di satu bahagian hujung tubuhnya) menggambarkan arah timur, Haphaestus bermaksud matahari yang terbit dan Athena pula bermaksud waktu Subuh yang muncul dari langit ketika matahari terbit dengan membelah kegelapan di ufuk timur. Dengan itu, kisah mitos tersebut sebenarnya merupakan kiasan atau mungkin juga penjelasan bagi sebuah fenomena alam, iaitu terbitnya matahari pada waktu fajar. Penjelasan yang rasional dapat diperoleh apabila unsur bahasa ini berjaya dihuraikan dengan sempurna (Muller, 1978).

b. Kaedah Linguistik dalam Terjemahan Teks Suci

Max Muller sering menegaskan bahawa agama mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan konsep bahasa dan bangsa. Sifat bahasa sesuatu kaum itu sendiri banyak memberi kesan kepada tradisi dan kepercayaan masyarakatnya. Menurut Max Muller, bahasa yang memiliki sifat gender atau maskulin dan feminin bagi setiap objek adalah lebih cenderung untuk menghasilkan mitos dan lagenda tuhan atau dewa, seperti yang dilihat pada agama Sanskrit dan Yunani. Bangsa-bangsa seperti ini mempunyai bahasa yang tinggi aspek puitisnya, sehingga meletakkan sifat seakan manusia kepada makhluk lain, baik makhluk itu hidup ataupun tidak. Idea ini tiada dalam pemikiran bangsa yang bahasa mereka tidak memiliki sifat ini, kerana manusia dan objek lain berada dalam kelas yang sudah nyata berbeza, tanpa sebarang persamaan seperti gender (Muller, 1978).

Kaedah linguistik yang digunakan oleh Max Müller dalam *Religionswissenschaft*, memberikan pendekatan baru dalam memahami agama. Dengan menganalisis bahasa dan struktur linguistik dalam teks-teks suci, beliau dapat mengungkap makna yang lebih dalam dan kompleks mengenai kepercayaan dan amalan agama. Pendekatannya tidak hanya membuka jalan bagi kajian perbandingan agama yang lebih sistematik, tetapi juga menekankan pentingnya bahasa dalam membentuk pemahaman kita tentang pengalaman beragama setiap masyarakat.

ii. Kaedah Filologi

Max Müller, seorang tokoh utama dalam bidang perbandingan agama, telah memainkan peranan penting dalam pengembangan kaedah filologi dalam kajian agama. Filologi, yang merujuk kepada kajian bahasa dan teks, melibatkan analisis mendalam terhadap dokumen-dokumen bersejarah untuk memahami konteks linguistik, budaya, dan sejarah. Dalam *The Sacred Books of the East*, sebuah siri terjemahan dan analisis teks yang diterbitkannya, Müller menunjukkan ketekunan dalam mempelajari bahasa asal teks-teks ini.

Beliau menekankan pentingnya memahami konteks linguistik di mana teks-teks tersebut ditulis, termasuk struktur gramatikal, kosa kata, dan nuansa bahasa yang mungkin hilang dalam terjemahan. Sebagai contoh, ketika menterjemahkan teks-teks Sanskrit, Müller tidak hanya menterjemahkan kata demi kata, tetapi juga menganalisis bagaimana kata-kata tersebut digunakan dalam konteks budaya dan sejarah yang lebih luas. Ini membolehkan pembaca memahami bukan sahaja makna literal, tetapi juga makna simbolik dan budaya yang terkandung dalam teks tersebut.

Melalui kaedah filologi, beliau mengkaji latar belakang sejarah penulisan teks-teks suci, termasuk siapa penulisnya, tujuan penulisan, dan konteks sosial serta politik pada masa itu. Dengan cara ini, Müller dapat menunjukkan bagaimana teks-teks agama bukan sahaja menggambarkan ajaran spiritual, tetapi juga mencerminkan pengalaman kolektif masyarakat yang mengamalkannya. Max Muller juga menekankan kajian terhadap sumber rujukan agama dengan menggariskan beberapa kriteria yang perlu diteliti bagi setiap kitab atau manuskrip, seperti:

- a. Bilakah ia ditulis?
- b. Siapakah penulisnya?
- c. Di manakah ia ditulis?
- d. Adakah penulis itu merupakan saksi pertama/ saksi mata terhadap apa-apa peristiwa yang ditulisnya atau dia hanya mendengar maklumat itu daripada orang lain?
- e. Jika penulis mendengar berita itu dari orang lain, adakah sumbernya itu sezaman dengan peristiwa yang berlaku?
- f. Adakah buku ini ditulis secara lengkap pada satu masa atau ia hanya mengandungi bahagian-bahagian daripada sumber asal yang dikumpulkan?
- g. Apakah bahasa asal yang digunakan dalam penulisan manuskrip atau kitab ini?

Selain itu, beliau juga meneroka hubungan antara teks-teks agama yang berbeza, menunjukkan persamaan dan perbezaan di antara mereka. Contohnya, dalam kajiannya mengenai mitos penciptaan, Müller menunjukkan bagaimana pelbagai tradisi mencipta naratif yang serupa tetapi dengan elemen-elemen yang unik. Dengan mengkaji asal usul dan perkembangan bahasa serta teks, beliau dapat menciptakan peta yang lebih jelas tentang evolusi pemikiran religius.

Kaedah filologi yang diterapkan oleh Müller telah memberikan sumbangan besar dalam bidang perbandingan agama. Dengan analisis yang mendalam dan sistematik terhadap teks-teks, beliau tidak hanya membantu mendedahkan keindahan dan kompleksiti kepercayaan agama, tetapi juga memperlihatkan bagaimana agama-agama berinteraksi dan dipengaruhi antara satu sama lain. Ini membolehkan pemahaman yang lebih baik tentang dinamika antara tradisi religius, serta bagaimana ajaran dan kepercayaan dapat bertransformasi dari masa ke masa.

Berbanding Ibn Hazm yang ingin menunjukkan kebenaran Islam, kajian Max Muller pula lebih ke arah mendalami pengetahuan ilmiah dan objektif. Beliau percaya bahawa semua agama berkongsi asal usul yang sama dan bertujuan untuk memahami 'kebenaran' agama melalui pendekatan yang rasional dan akademik. Matlamat Muller adalah untuk membina satu pemahaman yang lebih universal tentang agama dan menggalakkan dialog antara tamadun melalui kajian teks-teks agama yang berbeza.

## **ANALISIS PERBANDINGAN METODOLOGI KAJIAN ANALISI TEKS AGAMA OLEH IBN HAZM DAN MAX MULLER**

Ibn Hazm dan Max Müller merupakan dua cendekiawan yang diakui dalam bidang kajian perbandingan agama. Walaupun kedua-duanya berusaha untuk memahami dan menganalisis ajaran-ajaran agama yang pelbagai, mereka mempunyai pendekatan dan metodologi yang berbeza. Dalam perbincangan ini, kita akan melihat persamaan dan perbezaan antara mereka dari pelbagai aspek, termasuk pendekatan teologis, kaedah yang digunakan, tujuan kajian, serta konteks sejarah dan budaya di sebalik karya-karya mereka.

### **Persamaan antara Ibn Hazm dan Max Müller**

Kedua-dua Ibn Hazm dan Max Müller menunjukkan minat yang mendalam terhadap kajian perbandingan agama. Persamaan antara kedua-dua tokoh ini ialah kedua-duanya menggunakan kajian teks sebagai asas metodologi mereka. Mereka berusaha untuk memahami agama lain melalui sumber-sumber primer seperti kitab suci, tetapi dari perspektif yang berbeza. Minat ini mendorong mereka untuk menggali lebih dalam tentang doktrin dan praktik yang dianut oleh pengikut-pengikut agama tersebut. Karya-karya mereka sering kali menekankan pentingnya pemahaman yang lebih baik terhadap agama lain sebagai satu cara untuk memperkaya pengetahuan tentang kepercayaan yang berbeza.

Selain itu, kedua-duanya mengutamakan analisis teks agama sebagai satu kaedah utama dalam kajian mereka. Ibn Hazm, dalam karyanya yang terkenal *Al-Faṣl fi al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal*, menggunakan teks-teks suci seperti Taurat dan Injil untuk menganalisis ajaran-ajaran agama lain. Begitu juga, Max Müller dalam karya *The Sacred Text From The East*, menggunakan sumber-sumber dari pelbagai tradisi untuk menghasilkan terjemahan dan analisis yang tepat.

Pendekatan ini menunjukkan bahawa kedua-dua tokoh ini menghargai keaslian teks dan berusaha memahami konteks di sebalik ajaran yang terkandung di dalamnya. Kedua-dua Ibn Hazm dan Max Müller juga menggunakan sumber-sumber asal dalam kajian mereka. Mereka memahami bahawa untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam mengenai sesuatu tradisi religius, adalah penting untuk merujuk kepada teks-teks asal yang ditulis dalam bahasa yang relevan. Ini menunjukkan komitmen mereka terhadap ketepatan dan kesahihan dalam analisis mereka.

### **Perbezaan antara Ibn Hazm dan Max Muller**

Walaupun terdapat persamaan, terdapat juga perbezaan yang ketara antara Ibn Hazm dan Max Müller. Salah satu perbezaan utama terletak pada pendekatan mereka. Ibn Hazm mempunyai pendekatan yang lebih teologi dalam karyanya. Beliau berusaha untuk membela ajaran Islam dan menunjukkan kelemahan dalam doktrin agama lain. Karyanya cenderung bersifat apologetik, di mana beliau menggunakan kaedah argumentatif dan defensif untuk menegaskan kebenaran Islam. Di sisi lain, Max Muller pula mengambil pendekatan yang lebih kolektif. Beliau berusaha untuk memahami pelbagai tradisi agama tanpa memihak kepada satu agama tertentu. Pendekatan ini membolehkan Max Müller untuk menjelaskan dan menganalisis agama-agama dengan cara yang lebih objektif dan saksama, tanpa prejudis terhadap kepercayaan yang berbeza.

Matlamat dan Tujuan kajian perbandingan agama ini berbeza antara kedua-duanya. Ibn Hazm menulis untuk menegaskan kebenaran Islam dan membantah ajaran agama lain. Dalam karyanya, beliau berusaha untuk memperkuat keyakinan umat Islam terhadap ajaran mereka dengan menggunakan bukti-bukti tekstual dan logik. Sebaliknya, tujuan Max Müller adalah untuk memahami keragaman dan kompleksiti dalam tradisi keagamaan. Beliau mengedepankan sikap objektif yang membolehkannya menjelaskan perbezaan dan persamaan antara pelbagai agama dengan cara yang lebih holistik.

Latar belakang sejarah dan budaya di sebalik karya-karya Ibn Hazm dan Max Müller juga memainkan peranan penting dalam perbezaan pendekatan mereka. Ibn Hazm menulis dalam konteks sejarah Islam abad ke-11 di Andalusia, di mana terdapat perdebatan teologi yang aktif antara Islam, Kristianiti, dan Judaisme. Dalam keadaan ini, beliau lebih terfokus kepada isu-isu teologi yang timbul dalam perdebatan tersebut. Sebaliknya, Max Müller beroperasi dalam konteks abad ke-19, yang ditandai dengan revolusi industri dan pengembangan pemikiran akademik. Dalam konteks ini, beliau lebih terbuka kepada pengaruh budaya dan pemikiran Barat, yang mendorongnya untuk mengambil pendekatan yang lebih interdisipliner dan kritikal.

### **KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, Ibn Hazm dan Max Müller adalah dua tokoh yang memberikan sumbangan berharga dalam kajian agama. Kajian perbandingan agama antara Ibn Hazm dan Max Muller menunjukkan perbezaan yang ketara dalam pendekatan, matlamat, dan latar belakang mereka. Ibn Hazm, sebagai seorang ulama Muslim, menggunakan kajian perbandingan untuk mempertahankan kebenaran Islam, manakala Max Muller, sebagai seorang ahli falsafah Barat, melihat kajian perbandingan sebagai cara untuk memahami evolusi agama secara ilmiah dan rasional. Namun, kedua-dua tokoh ini telah menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang agama-agama dunia dan menunjukkan kepentingan kajian teks dalam bidang ini.



## PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Geran Penyelidikan PP 2023-015 Amalan pengurusan isu keharmonian beragama dan menurut agensi Malaysia dan Brunei

## RUJUKAN

- Alles G. D. (2022). Max Muller, Encyclopedia Britannica. <https://www.britannica.com/biography/Max-Muller> [2 Disember].
- Chaudhuri, N. C. (1974). *Scholar Extraordinary, The Life of Professor the Rt. Hon. Friedrich Max Muller, P.C*, Chatto & Windus. United Kingdom: Oxford University Press.
- Fatmir Shehu. (2013). The Methodology of Ibn Hazm in Comparative religion with special reference to His Master Piece al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa wa al-Nihal [29 Oktober 2022].
- Mahmud Ali Himayah. (2001). *Ibnu Hazm, Biografi, Karya dan Kajiannya tentang Agama Agama*. Jakarta: Lentera.
- Muller, F. M. (1978). *Introduction to the Science of Religion*. United States of America: Arno Press Inc.
- Muller, F. M. (1901). *My Autobiography, A Fragment*, Charles Scribner's Sons. Los Angeles: University of California.
- Muslim Amerrudin Khalil. (2016). Ibn Hazm: Satu Tinjauan Terhadap Biografi dan Sumbangannya. [https://www.academia.edu/26587225/Ibn\\_Hazm](https://www.academia.edu/26587225/Ibn_Hazm) [2 November 2022].